AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 426.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,303.00 ITEM ID: MY0071611176



18 OCT, 2026

Inovasi karbon biru UMS meraih anugerah penyelidikan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Inovasi karbon biru UMS meraih anugerah penyelidikan

Sempena kemuncak Borneo Festival of Ideas (BFOI) 2026

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih pencapaian cemerlang dalam penyelidikan apabila hasil inovasi berteraskan teknologi pemantauan ekosistem marin dan karbon biru dinobatkan sebagai penerima Anugerah 'Best of The Best' bagi Pertandingan Reka Cipta (PEREKA) sempena kemuncak Borneo Festival of Ideas (BFOI) 2026.

Projek bertajuk 'Precision Blue Carbon Module: Drone Intelligence for High-Resolution Seagrass Habitat Monitoring' hasil penyelidikan pensyarah Institut Marin Borneo UMS, Dr. Chong Wei Sheng itu memanfaatkan penggunaan teknologi dron pintar untuk memantau habitat rumput laut dengan lebih terperinci.

Inovasi berkenaan memberi tumpuan kepada pemantauan ekosistem rumput laut yang berperanan penting dalam menyerap dan menyimpan karbon biru, selain menyokong pemuliharaan biodiversiti marin serta kelestarian sumber laut.

Pencapaian itu sekali gus membuktikan potensi penyelidik UMS dalam menghasilkan inovasi berteknologi tinggi bagi menyokong agenda pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ) dalam meneroka potensi Ekonomi Biru sebagai pertumbuhan negeri.

Kejayaan inovasi karbon biru UMS itu turut memperkukuh aspirasi universiti sebagai 'The Brain of Borneo', khususnya dalam menerajui penyelesaian teknologi yang menyokong kelestarian sumber marin.

Terdahulu, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pendidikan Tinggi, Ahmad Rizal Adnan ketika mewakili Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir menyempurnakan perasmian penutupan festival itu berkata, Sabah dan Borneo mempunyai kedudukan yang amat signifikan terhadap usaha memperkukuh agenda inovasi negara.

Katanya, rantau ini bukan sahaja dikurniakan kekayaan sumber alam dan biodiversiti yang luar biasa, malah memiliki kepelbagaian budaya, pengetahuan tempatan serta kekuatan komuniti yang menjadi sumber inspirasi kepada penerokaan ilmu dan penciptaan inovasi baharu.

"Keunikan geografi dan sosioekonomi Sabah membuka ruang kepada pembangunan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan setempat, misalnya cabaran berkaitan keterhubungan kawasan luar bandar, akses kepada perkhidmatan asas, keterjaminan makanan dan pengurusan sumber alam.

"Cabaran sedemikian seharusnya dilihat bukan hanya sebagai kekangan pembangunan, tetapi sebagai peluang untuk mencipta penyelesaian yang lebih mampan dan inklusif.

"Dalam konteks ini, penganjuran BFOI amat bertepatan dalam menyediakan ruang untuk mengetengahkan kreativiti, berkongsi pengetahuan dan mempersembahkan penyelesaian yang lahir daripada pemerhatian serta pengalaman sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Profesor Dr. Raman Noordin, yang menjalankan fungsi Naib Canselor dalam ucapan aluannya menekankan BFOI sebagai manifestasi jelas komitmen UMS bersama dengan pelbagai agensi kerajaan dalam membawa budaya inovasi keluar dari kepompong kampus dan mendekatkannya kepada warga komuniti.

"Jadikanlah pengalaman BFOI sebagai satu batu loncatan untuk terus mengembangkan potensi inovasi dan produk ke peringkat yang lebih tinggi.

"Ini termasuk meneroka peluang pendanaan, kolaborasi bagi memberi manfaat kepada masyarakat, dan pembangunan ekonomi dalam rantau Borneo," katanya.

Bertemakan 'Cetus Idea, Cipta Masa Depan', BFOI 2026 anjuran UMS bersama Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) dan rakan strategik Kerajaan Negeri Sabah, serta mendapat sokongan daripada pelbagai pihak industri berjaya membuktikan peranan universiti sebagai pemangkin ekosistem inovasi yang menghubungkan penyelidikan, industri dan komuniti.

Festival berkenaan turut mencatatkan lebih 850 penyertaan inovasi sepanjang pelaksanaannya di lima zon daerah seluruh Sabah di antara Jun sehingga Ogos 2026, manakala peringkat Grand Finale berjaya menghimpunkan hampir 600 penyertaan serta menarik kehadiran lebih 1,500 pengunjung.

Kemuncak BFOI 2026 menyaksikan penyampaian sebanyak 44 anugerah khas berserta hadiah wang tunai kepada peserta cemerlang menerusi lima pertandingan utama, termasuk PEREKA, Pertandingan Inovasi Kearifan Borneo, Borneo Solid Waste Management Innovation Challenge, STEAMQuest Ignite dan Cabaran Geran Mikro Pengkomersialan.



FESTIVAL: Kemuncak BFOI menghimpunkan hampir 600 penyertaan serta menarik kehadiran lebih 1,500 pengunjung.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 426.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 2,303.00 ITEM ID: MY0071611176



18 OCT, 2026

Inovasi karbon biru UMS meraih anugerah penyelidikan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

Sempena kemuncak Borneo Festival of Ideas (BFOI) 2026
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih pencapaian cemerlang dalam penyelid ikan apabila hasil inovasi berteraskan teknologi pemantauan ekosistem marin dan karbon biru dinobatkan sebagai penerima Anuge rah ‘Best of The Best’ bagi Pertandingan Reka Cipta (PEREKA) sempena kemuncak Borneo Festival of Ideas (BFOI) 2026. Projek bertajuk ‘Precision Blue Carbon Module: Drone Intelligence for High-Reso lution Seagrass Habitat Monitoring’ hasil penyelidikan pensyarah Institut Marin Borneo UMS, Dr.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.